



Politik dan Kepimpinan dari Perspektif Islam

Zakaria Stapa (Profesor Emeritus)
Pengerusi Majlis Usuluddin Malaysia

Arena politik Malaysia sejak mencapai kemerdekaan lebih enam dekad yang lepas, sentiasa hidup segar dengan suhu kepanasan sepanjang masa. Kebiasaannya arena politik ini menjadi lebih panas, lebih tegang dan meruncing ketika musim pilihanraya umum sehingga mencorakkan pelbagai ragam dan gelagat yang dipamerkan dalam kalangan ahli politik. Namun begitu, peristiwa yang berlaku dalam suasana politik negara pada penghujung Februari 2020 yang lepas, benar-benar mencatatkan momen sejarah pergolakan dan pergeseran politik yang cukup hebat, dan tidak pernah berlaku sebelumnya. Kehebatannya ditandai dengan penglibatan DYMM Yang di-Pertuan Agong yang turut campur tangan untuk menyelesaikannya, kerana dalam kalangan ahli politik sendiri pun sudah tidak dapat bermusyawarah sesama mereka untuk menyelesaikan kemelut yang ditimbulkan.

Dalam negara Malaysia yang didiami oleh lebih 60 peratus umat Islam ini, dapat diperhatikan pelbagai gelagat, perlakuan dan keputusan politik daripada kalangan Muslim ketika menghadapi pergolakan dan krisis besar tersebut. Oleh itu, dari perspektif Islam, apakah penilaian yang boleh dibuat terhadap gelagat dan keputusan politik yang dicapai oleh mereka? Apakah perbuatan dan keputusan tersebut menepati kehendak dan tuntutan ajaran Islam? Tulisan ringkas ini cuba menyorot persoalan tersebut bagi melihat ajaran dan amalan keislaman dalam kehidupan politik ummah di Malaysia.

Istilah politik difahami sebagai perilaku atau kegiatan yang dilakukan untuk mencipta segala bentuk kepintaran dan kebijaksanaan untuk menyusun dan mewujudkan suatu sistem bagi sesebuah negara. Kewujudan sistem ini berupaya merealisasikan cita-cita dan tujuan yang hendak dicapai oleh sesebuah negara tertentu. Maka itu, Islam sebagai satu cara hidup yang syumul pada dasarnya boleh menerima, malahan bersedia menjadi wadah kepada perlakuan politik sedemikian. Istilah kepimpinan pula difahami sebagai proses pengarahan tingkah laku orang lain ke arah penyempurnaan sesuatu objektif, iaitu dalam pengertian suatu bentuk pengarahan sehingga seseorang bertindak mengikut cara tertentu atau mengikut sesuatu, seperti polisi, tatacara dan deskripsi kerja. Pada prinsipnya, hal ini sesuatu yang dituntut oleh ajaran Islam bagi menggerakkan ummah untuk merealisasikan pelbagai tuntutan yang dikehendaki oleh ajaran Islam.

Jelas bahawa politik dan kepimpinan merupakan persoalan yang berkait langsung dengan segala aktiviti manusia dalam proses menggerakkan masyarakat sesebuah negara ke arah yang telah ditentukan melalui kekuasaan bagi mempengaruhi masyarakat atau negara untuk melakukan perubahan atau mempertahankan sesuatu sistem dalam masyarakat atau negara tersebut. Oleh itu, aspek politik dan kepimpinan memerlukan wadah dan kumpulan orang untuk menggerakkan kerja politik dan kepimpinan. Dalam konteks ini, wadah itu ialah sesebuah negara, dan kumpulan orang pula ialah golongan ahli politik yang menubuhkan sesebuah kerajaan. Dari perspektif Islam, penubuhan sesebuah kerajaan dalam sesebuah negara merupakan suatu kewajipan yang ditaklifkan oleh Islam kepada ummah untuk menggerakkan ummah bagi merealisasikan pelbagai tuntutan ajaran Islam itu agar sentiasa tertegak dalam kehidupan harian.

Oleh itu, politik dan kepimpinan yang melibatkan penubuhan sesebuah negara dan kewujudan kalangan ahli politik Muslim yang berperanan menubuhkan kerajaan dalam sesebuah masyarakat merupakan alat penting yang diiktiraf keperluannya oleh Islam. Sememangnya, kedatangan Islam membawa rahmah menerusi pewujudan sistem nilai murni yang berpaksikan tuntutan merealisasikan *hablun min Allah wa hablun min al-nas* dalam kehidupan. Dengan kata lain, bagi merealisasikan sistem hidup Islam yang syumul dalam kehidupan ummah, maka aspek politik dan kepimpinan perlu diguna pakai. Kedua-duanya hendaklah disesuaikan penggunaannya dengan segala tuntutan ajaran dan risalah Islam bagi mewujudkan suasana *rahmatan li al-'alamin* dalam kehidupan manusia.

Untuk merealisasikannya, umat Islam mestilah sentiasa bersikap kreatif dan cinta akan ilmu bagi membolehkan mereka melakukan ijtihad untuk menyelaraskan tuntutan agama dalam suasana kehidupan yang sentiasa berubah. Maka itu, terpamerlah keindahan Islam sebagai satu sistem hidup syumul yang wujud dan tertegak berasaskan kehendak Maha Pencipta yang Maha Mengetahui dan Memahami keperluan dan kehendak sebenar makhluk ciptaan-Nya.

Keperluan aspek politik dan kepimpinan dalam kehidupan ummah yang selari dengan ajaran Islam dapat dilihat secara khusus dalam aspek berikut:

1. Al-Quran mengandungi pelbagai hukum, peraturan dan perintah yang tidak mungkin dilaksanakan tanpa pemimpin yang memimpin kerajaan dalam sesebuah negara. Antaranya termasuklah hukum jenayah, hukum berkaitan dengan harta benda, hukum seruan berjihad, hukum pelaksanaan amanah, dan hukum mewajibkan rakyat mentaati pemerintah.
2. Al-Quran mengandungi perkara yang berkaitan dengan akidah, akhlak dan perundangan yang tidak mungkin dapat dilaksanakan tanpa negara dan kerajaan yang mengendalikannya, seperti kewajipan beriman kepada Allah secara yang betul, pentaklifan memakmurkan bumi, keperluan menentukan kaedah berkaitan dengan tingkah laku, dan keperluan melaksanakan kaedah perundangan yang betul.
3. Hadis menjelaskan keperluan pelantikan pemimpin dan penubuhan kerajaan, antaranya termasuklah:

• Hadis berkaitan dengan keperluan penubuhan jemaah dan perlantikan seorang ketua. Contohnya, sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Sesungguhnya akan ada setelah kewafatanku keburukan dan kerosakan. Maka barang siapa yang melihat orang yang memisahkan diri daripada jemaah (majoriti umat Islam) atau ingin memecahbelahkan urusan (agama) umat Muhammad SAW yang terjadi secara nyata, maka perangilah. Sesungguhnya rahmat Allah bersama-sama jemaah. Sesungguhnya syaitan berlari bersama-sama orang yang memisahkan diri daripada jemaah.” (Hadith riwayat al-Nasa’i).

Dalam hadis yang lain Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Jika ada

tiga orang bemusafir, hendaklah mereka mengangkat seorang daripada mereka menjadi pemimpinnya.” (Hadis riwayat Abu Dawud).

Dan lebih tegas lagi dalam konteks ini, dalam hadis riwayat Imam Ahmad, Nabi Muhammad SAW bersabda yang maksudnya, “Tidak halal bagi tiga orang untuk berada di tengah-tengah gurun pasir, kecuali mereka memilih seorang daripada mereka untuk menjadi pemimpin.”

• Hadis yang terdapat lafaz imam (ketua negara). Contohnya, sebuah hadis daripada Abu Hurairah r.a. yang berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Terdapat tujuh golongan orang yang bakal bernaung di bawah naungan Allah, pada hari tiada naungan kecuali



“**Satu tinjauan telah dilakukan terhadap ahli politik Muslim di Malaysia untuk melihat komitmen mereka terhadap ajaran Islam, khususnya semasa menghadapi krisis besar arena politik tanah air beberapa bulan yang lalu.**”

naungan-Nya: Pertama, imam (pemimpin atau ketua negara) yang adil,” (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

4. Hadis yang mewajibkan pemimpin agar tidak melakukan penipuan terhadap rakyat yang dipimpin, contohnya Ma’qil bin Yasar al-Muzani r.a. berkata, sesungguhnya aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, “Barang siapa diberikan amanah oleh Allah untuk memimpin rakyatnya lalu mati dalam keadaan menipu rakyat, nescaya Allah mengharamkan syurga ke atasnya.” (Hadis riwayat Muslim).
5. Tindakan langsung Rasulullah SAW yang menubuhkan kerajaan di Madinah selepas peristiwa Hijrah.
6. Amalan para sahabat Rasulullah SAW yang segera berunding bagi melantik pemimpin untuk menguruskan pemerintahan di Madinah sebaik sahaja Rasulullah SAW wafat.

Semua fakta dan dalil yang berkaitan dengan persoalan politik dan kepimpinan tersebut menggambarkan ajaran Islam mengiktiraf dan memberikan keutamaan kepada persoalan politik dan kepimpinan dalam kehidupan umat Islam. Pelbagai hukum dan nilai yang terkandung dalam keseluruhan ajaran Islam akan terbengkalai seandainya umat Islam mengabaikan perihal politik dan kepimpinan ini. Oleh itu, umat Islam wajib mempersiapkan diri dalam wadah yang kondusif bagi melaksanakan sebaiknya kedua-dua unsur penting tersebut dalam proses menjayakan program Islam sebagai satu cara hidup yang syumul bagi melahirkan tamadun berkualiti.

Selaras dengan itu, satu tinjauan telah dilakukan terhadap ahli politik Muslim di Malaysia untuk melihat komitmen mereka terhadap ajaran Islam, khususnya semasa menghadapi krisis besar arena politik tanah air beberapa bulan yang lalu. Tinjauan ini mesti didasarkan kepada prinsip hubungan sesama Muslim yang ditentukan oleh ajaran Islam yang dituntut supaya dihayati dan dilaksanakan oleh ummah dalam kehidupan mereka, termasuk perihal penting berkaitan dengan politik dan kepimpinan. Prinsip hubungan utama ajaran Islam tersebut ialah:

1. Prinsip ukhuwwah (*Surah al-Hujurat* 49:10; dan sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Tidak sempurna iman salah seorang antara kamu sehingga dia mencintai saudaranya seperti mencintai dirinya sendiri.” (Hadith riwayat al-Bukhari).
2. Prinsip *ta’awun* dalam perkara kebaikan dan takwa (*Surah al-Ma’idah* 5:2).
3. Prinsip saling berpesan dan berwasiat dalam hal berkaitan dengan kebenaran (*tawasaw bi al-haq*) (*Surah al-‘Asr* 103:3).
4. Prinsip nasihat berasaskan *al-din al-nasihah* (Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud, “Agama itu ialah nasihat (diulang tiga kali).” Kami (sahabat-sahabat) bertanya, “Untuk siapa, wahai Rasulullah?” Jawab Baginda, “Untuk Allah Azzawajalla, untuk kitab-Nya, untuk Rasul-Nya SAW, untuk barisan kepimpinan ummah dan umat Islam seluruhnya.” (Hadith riwayat Muslim).

Ketika menghadapi kegoncangan hebat politik tanah air baru-baru ini, penulis membuat pemerhatian gelagat kalangan ahli politik Muslim, terutama daripada kumpulan elit. Bagaimanakah komitmen mereka terhadap prinsip hubungan sesama ummah seperti yang dituntut oleh ajaran Islam. Apakah keputusan yang diambil oleh mereka, misalnya untuk cenderung kepada mana-mana pihak dalam kemelut berkenaan, turut mengambil kira prinsip hubungan tersebut? Berdasarkan krisis hebat politik negara baru-baru ini, dapat disimpulkan bahawa sebahagian besar kumpulan elit ahli politik Muslim di Malaysia tidak begitu mengambil kira prinsip yang dituntut oleh Islam berkenaan dengan perjuangan dan proses mereka membuat keputusan. Malah, idealisme lain pula yang mengambil ruang ketika mereka membuat keputusan penting yang berhubung dengan persoalan masa depan ummah di negara ini.

Hal ini perlu segera diselesaikan dengan pendekatan mengangkat kembali prinsip yang ditentukan oleh Islam ini untuk dijadikan asas pemikiran politik golongan Muslim di Malaysia. Hal ini perlu dibincangkan atau dikupas secara serius dan meluas untuk melahirkan kesedaran dalam kalangan umat Islam dan kembali memperkasakan daya saing politik ummah dalam sebuah negara berbilang kaum dan etnik seperti Malaysia. **DTI**